

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**TARIKH : 15 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [ Kuantan ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
menyatakan apakah status pelaksanaan RM21 juta yang diperuntukkan  
bagi tahun 2021 untuk penubuhan Pusat Sokongan Sosial Setempat.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) KPWKM ditubuhkan bertujuan untuk menangani isu-isu psikososial yang semakin menular dalam kalangan masyarakat. Perkhidmatan yang disediakan di PSSS merangkumi perkhidmatan kaunseling, khidmat nasihat dan bimbingan, intervensi, rujukan pelbagai bantuan kebajikan KPWKM serta khidmat perlindungan sementara sebelum dirujuk kepada pihak-pihak yang berkaitan.

Berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2021, kelulusan bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan fizikal PSSS telah mendapat kebenaran untuk memulakan kerja pada bulan Ogos 2021 dengan **peruntukan yang diterima sebanyak RM7.7 juta**. Inisiatif yang telah disediakan melalui peruntukan yang diterima adalah **penyediaan sebanyak 9 buah PSSS secara bergerak (*mobile*), sebuah PSSS Transit di Kuala Lumpur dan menaik taraf sistem data PSSS melalui Sistem Talian Kasih**.

Sejak beroperasi pada Oktober 2021 sehingga 10 Mac 2022 sejumlah **1,742 orang** telah mengunjungi PSSS untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU  
NAIDU [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 15 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah proaktif yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menguruskan jumlah warga emas yang semakin meningkat. Malaysia dijangka mencapai status 'negara tua' menjelang tahun 2030 apabila 15.3% daripada populasinya berumur 60 tahun dan ke atas. Nyatakan sama ada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sudah bersedia dan apakah strateginya untuk menghadapi fenomena ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai salah satu organisasi keselamatan sosial yang berperanan penting dalam memastikan rakyat mempunyai jaminan pendapatan untuk hari tua, KWSP telah merancang dan memperkenalkan pelbagai strategi dan inisiatif bagi membantu ahli mempunyai simpanan persaraan yang mencukupi apabila bersara kelak. Inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- i. pengeluaran Umur 55 Tahun dan Pengeluaran Umur 60 Tahun yang lebih fleksibel;
- ii. tempoh tanggungan mencarum iaitu ahli dan majikan wajib mencarum adalah sehingga umur 75 tahun;
- iii. bagi menggalakkan ahli terus kekal aktif bekerja dan majikan mengambil pekerja berumur 60 tahun dan ke atas, KWSP tidak mengenakan apa-apa caruman kepada pekerja, manakala, kos majikan dikurangkan di mana caruman wajib hanya sebanyak 4%;
- iv. memperkenalkan i-Saraan;
- v. Memperkenalkan Kasih Suri Keluarga Malaysia (dahulunya dikenali sebagai 'i-Suri');
- vi. memperkenalkan pengeluaran baharu pada tahun ini untuk membolehkan ahli membeli produk insurans atau takaful, seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2021;
- vii. KWSP turut menyediakan pelbagai saluran untuk ahli dalam sektor formal menambah simpanan persaraan mereka; dan
- viii. caruman sukarela boleh dibuat oleh mana-mana pekerja sektor formal, orang yang bekerja sendiri dan mereka yang tidak bekerja seperti pelajar dan suri rumah sehingga RM60 ribu setahun

Selain itu, KWSP juga mempunyai langkah-langkah mengembali dan meningkatkan simpanan ahli KWSP, perkhidmatan khidmat nasihat KWSP, panduan Perbelanjaan Belanjawanku dan *My Money Matters*. Kesimpulannya, terdapat pelbagai usaha dan strategi yang telah dijalankan oleh KWSP. KPWKM menyokong penuh usaha KWSP dalam persediaan Malaysia menuju ke status negara tua pada tahun 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN  
ISMAIL [ PANDAN ]**

**TARIKH : 15 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [ Pandan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah JKM akan meneruskan projek rintis Pembayaran Bantuan Bulanan JKM Secara Tanpa Tunai ke seluruh negara kerana pelaksanaannya menafikan hak golongan OKU dan tanpa melibatkan sebarang sesi libat urus dengan organisasi OKU.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang melaksanakan satu inisiatif baru iaitu **projek Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (Cashless) atau dikenali sebagai JKMPay**. Projek ini berstatus **PROJEK RINTIS** dilaksanakan ke atas **penerima bantuan kelulusan baharu sahaja dan tidak melibatkan penerima bantuan sedia ada**. Skim bantuan kewangan yang terlibat adalah semua skim bantuan bulanan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Projek ini dilaksanakan dengan tujuan berikut :

- i) **Memperluaskan mekanisme kaedah pembayaran** bantuan kewangan JKJ melalui kaedah bayaran ke bank dan juga kaedah tanpa tunai;
- ii) **Membantu penerima bantuan untuk mengurus dan mengawal perbelanjaan** wang bantuan secara berhemah dan bermanfaat;
- iii) **Memastikan penerima bantuan dapat memenuhi keperluan asas harian** khususnya melibatkan keperluan makan, minum, ubat-ubatan asas dan keperluan harian rumah;
- iv) **Memperkukuhkan kolaborasi di antara Kerajaan dan pihak swasta** dalam meningkatkan perkhidmatan agensi di bawah kementerian;
- v) Menyokong ke arah **mewujudkan masyarakat digital selaras dengan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia 2021** dan Memacu Transformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam melalui kerjasama Sektor Korporat :
- vi) **Memacu Transformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam** dalam menyediakan kaedah pembayaran tanpa tunai sebagai pilihan kaedah transaksi yang lebih berkesan dalam perkhidmatan yang di tawarkan; dan

- vii) **Menggalakkan penglibatan penerima bantuan dalam transaksi digital** agar tidak ketinggalan dalam era digital.

Di samping itu, projek ini juga sejajar dengan hala tuju baharu bantuan sosial di bawah Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang memfokuskan agar semua bantuan di masa hadapan hendaklah **bersyarat, mempunyai Dasar Pemisah (*Exit Policy*) yang jelas dan kesegeraan dalam pengagihan/pemprosesan bantuan.**

JKMPay telah dilaksanakan secara rintis mulai bulan Februari 2021. Setiap lokasi projek rintis dilaksanakan, Kementerian **telah melakukan kunjung hormat dan libat urus bersama Kerajaan Negeri** bagi menjelaskan mengenai projek rintis ini. **Peserta-peserta juga telah diberikan taklimat** bagi penggunaan kad dan aplikasi agar mereka memahami konsep tanpa tunai dan bagi membimbing mereka dalam penggunaan JKMPay. **Sehingga Februari 2022 sejumlah 4,752 peserta dari 6 negeri dan 23 daerah** terlibat iaitu Perlis (693 peserta), Kedah (2,661 peserta/semua daerah [12 daerah]), Melaka (924 peserta/semua daerah [3 daerah]), Terengganu (255 peserta [3 daerah]), Kelantan (180 peserta [2 daerah]) dan Selangor (39 peserta [2 daerah]).

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, projek rintis ini hanya dilaksanakan kepada **PENERIMA BAHARU** bantuan bulanan JKM sahaja manakala 519,409 penerima bantuan bulanan sedia ada masih kekal menerima bantuan bulanan melalui bayaran ke akaun bank. **Penerima baharu juga kekal menerima kesemua jumlah keseluruhan bantuan yang diluluskan secara 100%**. Sebagai contoh, bagi seorang OKU penerima Elaun Pekerja OKU (EPOKU) yang melepasi syarat kelayakan bekerja dengan pendapatan di bawah RM1,500 sebulan, akan layak menerima bantuan EPOKU berjumlah RM450 sebulan. Sekiranya gaji penerima berjumlah RM1,300 dan ditambah EPOKU berjumlah RM450 yang dibayar 50% melalui bank atau RM225 dan 50% atau RM225 secara JKMPay, maka penerima masih mempunyai baki berjumlah RM1,525 secara tunai di bank dan masih boleh digunakan bagi

## SOALAN NO. : 21

tujuan kegunaan pelbagai seperti bayaran sewa rumah, tambang pengangkutan, pembelian secara dalam talian dan lain-lain.

Manakala 50% (RM225) bayaran secara tanpa tunai di Kad JKMPay ini boleh digunakan oleh penerima untuk melaksanakan pelbagai transaksi seperti berikut:

1. Membuat transaksi tanpa tunai di mana-mana kedai runcit, kedai farmasi, kedai makan yang menyertai program tanpa tunai. Semua barangan di dalam kedai berkenaan boleh dibeli seperti:
  - i) Semua jenis keperluan bahan makan dan minuman seperti beras, gula, sayuran, minyak, ikan, ayam, sardin dan lain-lain;
  - ii) Barang keperluan kegunaan harian seperti lampin bayi, tuala wanita, bahan pencuci dan lain-lain; dan
  - iii) Keperluan ubat-ubatan dan alatan berkaitan ubatan.
2. Melaksanakan transaksi bagi pembayaran semua bil dan utiliti berkaitan;
3. Membuat pembelian tambah nilai (*top-up*) perkhidmatan telefon; dan
4. Hanya transaksi bagi pembelian rokok dan minuman beralkohol adalah dilarang bagi mengelakkan pengambilan barang yang tidak sihat menggunakan JKMPay.

Malahan baki atau lebih duit yang ada dalam akaun JKMPay juga **tidak akan luput**, dan akan dibawa ke bulan berikutnya. Bagi peserta program yang mahir menggunakan aplikasi telefon di **jkmpay.my**, pelbagai menu aplikasi secara dalam talian boleh digunakan seperti memantau perbelanjaan harian, membuat semakan baki, membayar bil dan utiliti, membeli *top-up* tanpa perlu keluar ke kedai dan melihat senarai kedai berdekatan yang boleh diakses pandu arah melalui Maps. Kementerian amat sedar mengenai keperluan asas penerima khususnya golongan OKU untuk menggunakan duit bantuan yang diperolehi setiap bulan. JKMPay tidak bertujuan untuk menyekat mana-mana hak kebebasan OKU untuk berbelanja. Apa yang diwujudkan adalah **mekanisme atau kaedah berbelanja ditambah atau diperluaskan** lagi di mana selain daripada perbelanjaan tunai, penerima boleh melaksanakan perbelanjaan secara tanpa tunai. Malahan melalui kaedah tanpa tunai ini, **tiada caj**



**tambahan atau fi transaksi dikenakan** berbanding sebagaimana caj RM1 boleh dikenakan jika mengeluarkan duit melalui mesin ATM.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga **Februari 2022**, terdapat **sejumlah 397 kedai aktif** dalam projek ini manakala **250 kedai (baharu) lain** telah memohon dan berminat untuk terlibat dalam projek ini. Kementerian sedang berusaha memperbanyakkan kedai-kedai untuk memberi kemudahan kepada penerima bantuan. **Malahan penerima bantuan juga boleh mencadangkan kedai/premis bersesuaian bagi mengikuti program ini.** Cadangan ini boleh disalurkan oleh peserta melalui 4 kaedah iaitu Telegram *group* peserta, Call-Centre 1-300-88-7977, aplikasi telefon Me12Pay dan juga melalui e-mel [info@me12pay.com](mailto:info@me12pay.com).

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian mendapati bahawa melalui projek JKMPay ini, telah digunakan oleh penerima bantuan dengan sebaiknya bagi memenuhi keperluan asas mereka. Sehingga **Februari 2022**, **sebanyak RM4.18 juta** telah dibelanjakan oleh peserta bagi tujuan pembelian **keperluan makan/minum iaitu 80.8% atau RM3.37 juta; 16.2% atau RM678 ribu bagi pembelian keperluan rumah** seperti lampin bayi, tuala wanita, sabun pencuci dan lain-lain. **2.3% atau RM96 ribu bagi keperluan lain** seperti pembayaran bil & utiliti, *top-up* dan **0.7% atau RM29 ribu dibelanjakan bagi tujuan pembelian ubat-ubatan.** Ini menunjukkan bahawa program ini memberi impak yang baik dan manfaat kepada peserta dalam memenuhi keperluan asas mereka.

Projek ini bukan sahaja membantu penerima bantuan malahan ia dapat mewujudkan prasarana ekonomi yang baik di kalangan pekedai runcit dan kedai-kedai kecil di seluruh negara. Antara manfaat yang diperolehi adalah :

- 1) Membantu penerima bantuan mengurus dan mengawal perbelanjaan wang bantuan secara berhemah;

- 2) Menjamin peruntukan perbelanjaan keperluan makan minum dan keperluan asas penerima bantuan dah ahli isi rumah tersedia pada setiap bulan;
- 3) Kaedah perbelanjaan tanpa tunai lebih selamat berbanding perbelanjaan secara tunai dan sesuai dengan situasi semasa;
- 4) Lokasi kedai yang berdekatan dengan penerima bantuan.;
- 5) Baki bantuan tidak lupus dan boleh dibawa ke bulan seterusnya; dan
- 6) Program ini fleksibel dan boleh diubah dari masa ke semasa berdasarkan keperluan Jabatan dan penerima bantuan.

Usaha-usaha penambahbaikan juga telah mula dilaksanakan oleh Kementerian melalui pendekatan berikut:

- 1) **Sesi Libat Urus bersama Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) telah diadakan pada 24 dan 25 Februari 2022** di Dewan Perdana Nur, KPWKM bagi memberi maklumat yang lebih jelas mengenai JKMPay;
- 2) **Mempelbagaikan platform pembayaran digital** (pembelian secara dalam talian, pembayaran bil, tambah nilai kad prabayar);
- 3) **Menyediakan senarai Direktori Pekedai di setiap Daerah Rintis** dan dipaparkan di laman *web*, Sosial media KPWKM dan JKM serta di aplikasi ME12PAY; dan
- 4) **Menambah bilangan pekedai termasuk farmasi, klinik, kedai makan dan perkhidmatan penghantaran dari masa ke semasa.**

Memandangkan pendigitalan penyampaian perkhidmatan ini merupakan agenda masa depan negara, Kementerian akan memastikan usaha penambahbaikan projek rintis ini sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa. Satu kajian menyeluruh akan diadakan bagi memastikan suatu hala tuju dan dasar berkaitan projek ini dapat ditentukan. Dalam tempoh tersebut, projek ini **akan kekal berstatus projek rintis** di lokasi sedia ada dan belum diperluaskan ke negeri/daerah lain sehingga laporan kajian dinyatakan dibentangkan. Kementerian sentiasa mengalu-alukan dan membuka peluang kepada semua pihak untuk memberikan pandangan dan juga cadangan dalam menambahbaik pelaksanaan program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[ SEGAMPUT ]**

**TARIKH : 15 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [ Segambut ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini usaha Kementerian menyelaraskan dasar dan hala tuju bersama antara pihak Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melibatkan garis panduan penubuhan, kelulusan, pelesenan dan mekanisme '*confinement centres*'.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Segambut, buat masa ini, tadbir urus '*Confinement Centres*' atau Pusat Perkhidmatan Ibu Selepas Bersalin secara keseluruhannya adalah di luar bidang fungsi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) atau mana-mana Kementerian lain.

Melihat kepada situasi tersebut dan sebagai langkah proaktif, KPWK telah mula meneliti keperluan dan bidang fungsi agensi yang bersesuaian bagi tujuan mengawal selia perkhidmatan ini termasuk mekanisme pelaksanaannya dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kebajikan golongan wanita dan kanak-kanak. Dalam hal ini, beberapa sesi libat urus telah diadakan bersama agensi terlibat seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi mendapatkan maklumat berkaitan perundangan, pendaftaran, pengoperasian, pelesenan dan penguatkuasaan yang sedia ada.

Namun, perkara ini masih di peringkat perbincangan bagi penetapan satu keputusan dasar berkaitan tadbir urus *confinement centres* yang dicerminkan sebagai salah satu sistem sokongan keluarga di samping pembangunan model pelaksanaan yang terbaik untuk menjamin kesihatan serta keselamatan ibu dan bayi terlibat.

Adalah diharap menerusi kerjasama bersepadu ini dapat membantu keluarga mendapatkan perkhidmatan yang baik dan selamat di samping memberi lebih banyak peluang penyertaan golongan wanita dalam pasaran kerja, sekali gus membantu meningkatkan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 15 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah peruntukan sebenar bagi program Bantuan Modal Perniagaan Khas Untuk Wanita melalui MyKasih Kapital, bilangan wanita-wanita yang telah menerima geran bantuan ini dan amaun, baki peruntukan bantuan modal perniagaan ini serta penerima bantuan mengikut pecahan negeri serta nyatakan KPI program bantuan modal perniagaan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program MyKasih Kapital merupakan bantuan berbentuk keusahawanan sosial dan kebajikan produktif yang diberikan kepada rakyat Malaysia khususnya kepada golongan wanita pencari nafkah utama keluarga yang sedang bergelut dengan masalah kewangan bagi menjana semula ekonomi keluarga. Geran bantuan perniagaan ini diberikan khusus kepada golongan wanita bagi memperkasa ekonomi keluarga dalam mengharungi cabaran pandemik COVID-19 pada masa kini.

MyKasih Kapital merupakan insentif tambahan kerajaan yang telah diumumkan sempena Sambutan Hari Wanita pada 8 Mac 2021 sebagai suntikan modal perniagaan berbentuk keusahawanan khusus kepada golongan wanita. Sebanyak **RM2 juta telah diperuntukkan** bagi melaksanakan program ini yang telah bermula sejak April 2021.

Bantuan MyKasih Kapital ini telah selesai disalurkan pada tahun 2021 kepada **4,000 orang penerima geran** yang berkelayakan melibatkan peruntukan sebanyak **RM2 juta**. Pemberian insentif secara *one-off* dengan **modal sebanyak RM500.00** diberikan sebagai usaha permulaan kepada mereka untuk menggalakkan wanita berniaga di samping membantu mereka menjana semula ekonomi keluarga melalui perniagaan menggunakan platform e-dagang/*dropship*.

Sejak dilaksanakan, program ini telah mendapat penyertaan yang menggalakkan dan kesemua peserta yang berkelayakan telah melalui proses saringan sebelum diberi bimbingan melalui pelbagai aktiviti dan program keusahawanan yang dianjurkan melalui kerjasama rakan strategik KPWKM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI  
[ BUKIT BENDERA ]**

**TARIKH : 15 MAC 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**Tuan Wong Hon Wai [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kerajaan dari segi dasar ekonomi untuk mempertingkatkan sekuriti persaraan (*retirement security*) untuk menghadapi keadaan lebih ramai warga emas di negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dijangka mencapai status negara tua menjelang tahun 2030 apabila 15.3% daripada populasi negara mencapai umur 60 tahun dan ke atas. Dalam hubungan ini, usaha bersepadu sedang diambil untuk mempertingkatkan penjagaan, perlindungan dan sokongan bagi membolehkan warga emas menjadi anggota masyarakat yang aktif. Justeru itu, kerajaan telah membuat perancangan dan mengambil langkah sewajarnya bagi menghadapi perkara ini. Antara inisiatif oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang telah dilakukan bagi menghadapi situasi ini adalah pengkajian semula Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara dan juga pelaksanaan satu kajian berkenaan pewujudan satu akta khusus bagi warga emas.

Selain daripada itu, KPWKM juga melaksanakan beberapa kajian lain seperti “Kajian Diagnostik bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia” dan “Kajian *Preparation Towards an Aged Nation by 2020 – Age-friendly City* (Taiping)”. Hasil daripada semua kajian ini akan diteliti dan diambil kira dalam persediaan negara ke arah menjadi negara tua termasuk dari segi penyediaan bantuan kewangan kepada warga emas.

Berhubung dengan penyediaan skim insurans kepada warga emas, ini adalah bidang tanggungjawab Kementerian Kewangan (MOF). Selain itu, menurut Unit Perancang Ekonomi (EPU) JPM, sistem pencen dan perlindungan persaraan akan diperkemas. Skim persaraan swasta akan dihebahkan sebagai pelengkap kepada skim yang sedia ada. Selain, itu, program bantuan sosial sedia ada akan diselaras untuk memperkukuh perlindungan sosial bagi warga emas. Inisiatif ke arah pemantapan dan pengukuhan perlindungan sosial di Malaysia telah pun diaktifkan melalui pengaktifan semula Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) yang diterajui oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan di Jabatan Perdana Menteri, (ICU JPM). Perkara ini perlu diperincikan pada peringkat



## SOALAN NO. : 71

Jawatankuasa Kerja Insurans Sosial (JKSI) di bawah MySPC yang diterajui oleh MOF.

Program di bawah KWSP serta pelaksanaan sekuriti persaraan (*retirement security*) wajar diteliti di peringkat KWSP selaku Agensi Pelaksana dan MOF selaku Kementerian yang bertanggungjawab ke atas program-program insurans sosial di Malaysia selaras dengan peranan MOF sebagai peneraju JKSI di bawah MySPC.

Walau bagaimanapun, selain pendekatan penyediaan program insurans sosial, KPWKM berpandangan bahawa peranan keluarga perlu diperkukuh bagi meningkatkan kesejahteraan ahli keluarga selaras dengan tahap kebertanggungjawaban terhadap semua ahli keluarga termasuk warga emas, membudayakan amalan ihsan yang memupuk semangat kebersamaan keluarga, memastikan suasana harmoni dapat dikecapi keluarga serta menyemai sikap berkhidmat kepada keluarga bagi membantu ahli yang memerlukan bantuan seperti yang diterapkan dalam pendekatan 'Keluarga Malaysia'.

Sekian, terima kasih.